



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PROGRAM BIJAK BELANJA PENGGUNA DAN PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

PULAU PINANG, 20 JUN 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Pulau Pinang hari ini telah melaksanakan Program Bijak Belanja Pengguna dan Program Jualan RAHMAH MADANI Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 di Pasaraya C-Mart, Bandar Tasek Mutiara, Pulau Pinang.

Objektif pelaksanaan Program Bijak Belanja Pengguna adalah untuk menengahkan isu-isu kepenggunaan secara interaktif disamping merencanakan lagi program advokasi berkenaan hak-hak dan perlindungan pengguna seperti penipuan dalam media sosial, *phishing*, penyalahgunaan rangkaian dan teknologi serta penipuan/pemalsuan perihal dagangan atas talian. Justeru, program ini selari dengan matlamat Kementerian dalam menggerakkan agenda besar kepenggunaan yang responsif dengan tuntutan semasa dan cabaran mendatang.

Turut dilaksanakan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJR) dalam menyantuni isu kos sara hidup rakyat dengan penawaran penjimatan sebanyak 10% sehingga 30% dari harga pasaran semasa khususnya kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Antara barangan yang dijual sepanjang PJR ini adalah barangan keperluan harian seperti beras, minyak masak, telur, gula, kopi, sardin, kicap dan pelbagai keperluan lain.

Mengikut statistik bermula 15 Januari 2024 hingga 16 Jun 2024, PJR telah dilaksanakan di 4,156 lokasi di seluruh negara. Pecahan mengikut model iaitu di dalam premis sebanyak 1,702, di luar premis sebanyak 320 lokasi dan secara bergerak sebanyak 2,134 lokasi. Manakala penganjuran PJR di seluruh negara juga telah merekodkan kehadiran melebihi 3.4 juta orang pada tahun ini.

Pada masa sama, turut diadakan sumbangan Bakul RAHMAH MADANI kepada 30 orang penerima bantuan serta penyampaian hadiah kepada pemenang Cabaran Bijak Belanja. Pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) juga turut mengambil peluang dalam menjalankan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan memberikan sumbangan sejumlah RM5,000.00 kepada beberapa buah masjid dan badan pertubuhan kebajikan.

Justeru, pihak Kementerian melalui KPDN Negeri Pulau Pinang akan terus komited untuk memperkasakan hak-hak pengguna dan isu-isu kepenggunaan disamping memastikan rakyat tidak terbeban dengan peningkatan kos sara hidup. KPDN juga menyeru agar lebih ramai lagi pemain-pemain industri khususnya pasar raya besar di negeri ini agar dapat bersama-sama menjayakan aspirasi Malaysia MADANI dalam mengurangkan tekanan terhadap kos sara hidup rakyat.

YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###